

Pelajar UMP seronok dan bangga bantu keluarga angkat berniaga

Bulan Ramadan beri peluang Redza bantu ibu tunggal cari rezeki

■ MOHD NOOR FARIHAN ABD HAMID

SUNGAI MIANG

Pengalaman menyambut bulan Ramadan bersama-sama keluarga angkat adalah sesuatu yang amat bermakna dalam hidup saya, demikian kata-kata Redza Shah Azmeer Hasanudin, 21 pelajar jurusan kejuruteraan kimia di Universiti Malaysia Pahang (UMP).

Dia yang mula menjadi anak angkat kepada Aisyah Oli Mohd, 43, kira-kira setahun yang lalu melalui program khidmat siswa UMP berasa sangat gembira kerana dapat bersama keluarga angkat menyambut Ramadan pada tahun ini.

"Saya sangat bertuah kerana mempunyai ibu angkat sepertinya kerana makcik Aisyah adalah seorang yang sangat baik hati dan seorang yang sangat tabah menjalani kehidupan untuk membesarkan kedua-dua orang anaknya.

"Setiap kali saya datang mengunjunginya dia pasti akan menngis kerana gembira dan terharu dengan kunjungan itu," katanya.

Walaupun sudah setahun berlalu saya tidak pernah lupa untuk mengunjungi keluarga angkat saya, malah boleh dikatakan dalam masa sebulan dua hingga tiga kali saya akan datang melawat ibu angkat dan adik-adik angkat di sini.

"Kebiasaannya saya akan datang ke sini apabila hari cuti dan kadangkadangkang saya akan ber-

malam di sini apabila cuti semesta bermula," ujar Redza yang merupakan anak kelahiran Kuala Lumpur.

Apabila tiba musim Ramadan ini Redza juga tidak melepaskan peluang untuk menolong ibu angkatnya seperti membungkus nasi lemak dan ada kalanya menolong menjual kuih muih di gerai berhampiran rumah.

"Semenjak mempunyai seorang ibu angkat, barulah saya dapat rasai suasana sebenar kehidupan sebagai seorang masyarakat kampung.

"Saya dapat belajar membuat kerja-kerja kampung seperti membuat kuih, membungkus nasi lemak dan menolong ibu angkat menyiapkan keperluan untuk membuat kuih," ujarnya.

Semua pengalaman



Redza bersama kawan-kawan menolong ibu angkatnya membuat persiapan untuk menjual juadah berbuka.

yang diperolehnya ini menjadikannya seorang yang lebih matang dan pandai berdikari memandangkan sebelum ini dia tidak pernah merasai pengalaman sebegitu kerana dia dibesarkan dalam

keluarga yang agak berada dan tinggal di bandar raya yang besar.

"Saya bersyukur kerana dapat memberikan kasih sayang dan membantu adik-adik saya dari segi pembelajaran me-

mandangkan mereka berasal dari keluarga yang susah tambahan lagi setelah kematian suaminya kira-kira 11 tahun yang lalu akibat sakit kuning," ujarnya ketika ditemui Sinar Harian.